



28 Jun 2013  
28 June 2013  
P.U. (A) 200

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH UMUR PERSARAAN MINIMUM (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2013

#### *MINIMUM RETIREMENT AGE (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012

PERINTAH UMUR PERSARAAN MINIMUM (PENGECCUALIAN) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 18 Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [*Akta 753*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Umur Persaraan Minimum (Pengeccualian) (No. 2) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

**Pengeccualian**

2. Menteri mengeccualikan semua majikan dengan nama dan nombor pendaftaran yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual daripada semua peruntukan Akta berhubung dengan pekerja lelaki eksekutif dan bukan eksekutif yang, sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini—

(a) telah memilih untuk menukar umur persaraan yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan daripada 60 tahun kepada 55 tahun; dan

(b) telah dibayar pampasan oleh majikan berkenaan dengan penukaran umur persaraan yang disebut dalam subsubperenggan (a).